



Tahun 1. No. 15

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
DU A KERAJAAN BRUNEI
KALI SABULAN

16 SEPTEMBER, 1956.

TEMASHA2 HARI KEPUTERAAN DYMM SULTAN BRUNEIDI PEKAN BRUNEI

PENDUDOK2 diseluroh Negeri Brunei akan mengadakan berbagai2 jenis temasha2 yang meriah sechara besar2an daripada tahun2 yang lalu kerana mera'ikan Hari Keputeraan Yang Ka 40, Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin, Sa'-dul Khairi Waddin, D.K., S.P.M.B., K.C.M.G., yang jatohnya pada hari Ahad 23 September, 1956.

Ranchangan lengkap Perayaan Hari Keputeraan Baginda yang akan dilangsangkan diPekan Brunei, mulai dari hari Khamis 20 September, 1956 hingga ka hari Rabu 26 September, 1956 menurut sebagai mana yang telah disusun oleh Jawatan Kuasa Perayaan tersebut adalah saperti berikut:-

Hari Khamis 20 September: mulai dari pukol 7.30 malam akan dilangsangkan Temasha Tari Menari dan Peraduan Pakaian Beragam diBrunei Sports Club. Peraduan ini adalah terbuka kepada ramai. Pasukan Pancharagam dari Sarawak Constabulary akan bermain sepanjang masa.

Hari Sabtu 22 September: 8.30 pagi - Peraduan Lukisan diDewan Mahkamah Besar dihakimkan dan dibuka dengan rasmi pada pukol 4.00 petang hari itu oleh British Resident, Brunei, Yang Berhormat Mr. D.C. White, O.B.E., O.S.S. Hadiah2 kapada yang berjaya akan disampaikan pada malam akhir Malam Aneka Warna, iaitu pada malam 26 September.

Pada pukol 5.00 petang hari itu akan diadakan upachara "Beating the Retreat", iaitu upachara Bunyian2 dan Berbaris oleh Pasukan Pancharagam Sarawak Constabulary.

HARI KEPUTERAAN BAGINDA

Hari Ahad 23 September: 8.00 pagi - Peraduan Lukisan diDewan Mahkamah dibuka kapada ramai hingga kasabelah petang.

Istiadat Berbaris dihadapan bangunan Pejabat2 Kerajaan: 8.00 pagi - Pemerhati2 rasmi, Sekolah2 dan Pasukan2 dari Pengakap2, Pemandu2 Puteri ("Girl Guides"), British Red Cross Society, Customs dan Marine mengambil tempat masing2. 8.05 pagi - Barisan dari Pasukan Police Brunei bersama dengan Pasukan Pancharagam Sarawak Constabulary sampai diPadang Pekan Brunei dan menghadap pentas. Pasukan Pancharagam akan mengambil tempat dibelakang Pasukan Police dengan Red Cross, Pengakap2 dll., dikedua2 belah. 8.20 pagi - British Resident, Brunei, Yang Berhormat Mr. D.C. White sampai dan disambut dengan General Salute. 8.25 pagi - Yang Terutama Tuan Pesuroh Jaya Tinggi Negeri Brunei, Sir Anthony Abell, D.K., K.C.M.G., sampai dan disambut dengan Royal Salute. 8.30 - Duli Yang Maha Mulia Sultan berangkat sampai diPadang dan disambut dengan ...

dan disambut dengan Royal Salute, diikuti dengan Lagu Kebangsaan Brunei diselenggarakan oleh Pasukan Pancharagam Sarawak Constabulary. Panji2 diRaja dikibarkan. Duli Yang Maha Mulia Sultan memeriksa Barisan, kemudian berangkat kembali kapetas. Pasukan Police menimbak "Feu-de-joie" 3 kali. Royal Salute bagi Duli Yang Maha Mulia Sultan, serta diikuti dengan Lagu Kebangsaan Brunei diselenggarakan oleh Pasukan Pancharagam Sarawak Constabulary. "March Past" dengan Pasukan Pancharagam Sarawak Constabulary dihadapan, Pasukan Police, Pengakap2, serta lainnya berikut. Kemudian kembali katempat permulaan. 8.50 pagi - Duli Yang Maha Mulia Sultan menghadziri Istiadat menyampaikan Gelaran2 Kehormatan oleh Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, O.B.E., dan kepada Mr. T.S. Sung, M.B.E.

Istiadat Menghadap Di Lapau

Istiadat Menghadap di Lapau akan dimulai dari pukol 9.00 pagi. Pada masa itu Duli Yang Maha Mulia Sultan akan menyampaikan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2, diturut dengan bachaan Persembahan Uchapan2 dari : Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi; Tuan Yang Berhormat British Resident; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; dan oleh Yang Berhormat Kathi Besar, Brunei bagi pehak Pegawai2 Ugama di Negeri Brunei. Persembahan Uchapan2 Selamat dari Persekutuan2, Wakil2 Kaum dll., diserahkan sahaja dan tidak dibacha. Duli Yang Maha Mulia Sultan menjawab Uchapan2 yang telah disembahkan. Istiadat itu akan ditamatkan dengan bachaan Do'a Selamat oleh Pehin Dato Imam.

Mulai dari pukol 11.00 pagi hari itu akan diadakan Peraduan Perarakan Kereta2 Berhias, dimulakan dari Jalan Sumbiling, masok Jalan Tutong hingga ka Istana Darul Hana, dan kembali melalui Jalan Sultan, Jalan McArthur, Jalan Roberts, Jalan Chevalier, Jalan Pemancha dan berakhir dibangunan Pejabat2 Kerajaan. Temasha Sukan Darat akan dimulakan pada pukol 2.00 petang diPadang Pekan Brunei. Beberapa macham perlumbaan diadakan terbuka kepada ramai serta kanak2 sekolah.

Menteri2 dan Pehin2 Negeri Brunei pula akan mengadakan satu Majlis Jamuan Teh diLapau pada pukol 4.30 petang bagi mera'ikan jemputan2 khas. Pukol 5.00 petang - Pasar Malam, dibelakang bangunan Pejabat2 Kerajaan dibuka pada hari yang pertama dan berakhir pada pukol 12 tengah malam. Berbagai2 jenis pertunjukan dan permainan akan diadakan. 6.45 malam - Pertandingan Berchuchul antara rumah2 diKampong Ayer, didarat dan rumah2 kedai, dalam bahagian Lampu Minyak dan Lampu Elektrik.

Pertandingan Silat dan Kuntau Sanegeri Brunei

Mulai dari pada pukol 7.15 malam tersebut akan dilangsungkan Pertandingan Akhir Silat dan Kuntau Sanegeri Brunei dikawasan Istana Darul Hana dan disamping itu akan diadakan Pertunjukan2 Wayang Kulit, Zapin dan lain2 jenis pertunjukan.

Duli Yang Maha Mulia Sultan akan mera'ikan beratus orang jemputan khas, Pegawai2 Kerajaan dan lainnya dengan mengadakan satu Majlis Jamuan Minuman dan Tari Menari diIstana Darul Hana mulai pada masa tersebut juga. Adalah difahamkan

Adalah difahamkan bahawa diantara para pembesar dan Pegawai2 Kerajaan yang akan menghadziri upachara2 tersebut ialah Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Negeri Brunei, Sir

Anthony Abell; British Resident, Brunei, Yang Berhormat Mr. D.C. White dan Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, Yang Berhormat Dato' Abdul Razak bin Dato' Hussain.

Bangsa Tionghoa pula akan mengadakan pertunjukan Wayang China dikawasan hadapan Panggong Boon Pang mulai dari pukol 8 malam tersebut dan mulai dari pada masa itu juga akan diadakan pertunjukan Bunga Api diPadang Pekan Brunei.

Ithnin 24 September: 9.30 pagi - Temasha Regatta diPerayaran berhadapan dengan Customs Wharf, Pekan Brunei. Berbagai2 jenis perlumbaan outboard engine, perahu dan lainnya diadakan. 5.00 petang - Temasha Bunyian2 diPadang Pekan Brunei oleh Pancharagam Tentera Udara DiRaja British dari Singapura. 5.00 petang - Pasar Malam dibelakang bangunan Pejabat2 Kerajaan dibuka bagi hari kedua dan berakhir pada pukol 12 tengah malam. 6.45 malam - Pertandingan berchuchul antara rumah2 diKampong Ayer, didarat dan rumah2 kedai, dalam bahagian Lampu Minyak dan Lampu Elektrik. 7.00 malam - Temasha Malam Aneka Warna diPadang Pekan Brunei berhadapan dengan bangunan Pejabat2 Kerajaan bagi malam pertama dibuka. Berbagai2 jenis pertandingan menyanyi dan tarian asli serta modern, jenaka, hadzrah, dan lainnya diadakan. 8.00 malam - Peraduan Perarakan Bertanglong bermula dari Taman Kanak2 diJalan Stoney, melalui Jalan Tutong, Jalan Chevalier, Jalan Pemancha dan berakhir diJalan Elizabeth II. 8.00 malam - Pertunjukan Wayang China dikawasan hadapan Panggong Boon Pang, dibawah anjoran Bangsa Tionghoa malam penghabisan. 8.00 malam - Peraduan Bertinju atau "Boxing" diadakan ditanah lapang berhadapan dengan Pasar Pekan Brunei diJalan Cator.

Thalatha 25 September: 5.00 petang - Pasar Malam dibelakang bangunan Pejabat2 Kerajaan dibuka dan berakhir pada pukol 12 tengah malam. 6.45 malam - Pertandingan berchuchul antara rumah2 diKampong Ayer, didarat dan rumah2 kedai dalam bahagian Lampu Minyak dan Lampu Elektrik. 7.00 malam - Temasha Malam Aneka Warna diPadang Pekan Brunei berhadapan dengan bangunan Pejabat2 Kerajaan bagi malam kedua dengan mengadakan berbagai2 jenis pertandingan menyanyi dan tarian asli dan modern, jenaka, dll. 8.00 malam - Peraduan Perarakan Bertanglong Diayer akan diadakan diKampong Ayer, bermula dari Hujong Kubu.

Rabu 26 September: 5.00 petang - Pasar Malam dibelakang bangunan Pejabat2 Kerajaan dibuka dan berakhir pada pukol 12 tengah malam. 6.45 malam - Pertandingan Berchuchul, antara rumah2 diKampong Ayer, didarat dan rumah2 kedai dalam bahagian Lampu Minyak dan Lampu Elektrik. 7.00 malam - Temasha Malam Aneka Warna diPadang Pekan Brunei berhadapan dengan bangunan Pejabat2 Kerajaan bagi malam ketiga dan penghabisan, dengan mengadakan berbagai2 jenis pertandingan menyanyi dan tarian asli dan modern, jenaka, hadzrah, dan lainnya.

Upachara Sambutan Perayaran Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei akan ditamatkan pada malam tersebut dengan mengadakan upachara menyampaikan hadiah dalam bahagian2 Peraduan Berchuchul; Peraduan diTemasha Malam Aneka Warna dan lainnya. Hadiah2 itu akan disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha.

JAWATAN KUASA PERAYARAN HARI KEPUTERAAN DYMM SULTAN

Jawatan Kuasa Perayaran Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, bagi Pekan Brunei pada tahun ini adalah seperti berikut:

Sidang Pengurusi - Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan Mr. D.L. Bruen; Sidang Setia Usaha Yang Kahormat-Inche' Suhaimi Haji Amin dan Inche' Mohd. Noor Aston; Benda-hari Yang Kahormat - Mr. Patrick McAfee dan Pemereksa Kira2 Yang Kahormat - Mr. G.E.T. Dean.

Ahli2 Jawatan Kuasa - Inche' Abdul Ghani Jamil, Pehin Orang Kaya Shahbandar (Pegawai Daerah, Brunei), Pengiran Ahmad (Pegawai Daerah, Temburong), Pengiran Maharaja Laila, Inche' Mohd. Taib bin Awang Besar, Mr. A.N. Outram (C.P.O. Brunei), Inche' Sunny bin Ahmat, Pengiran Jaya (O.C.P.D. Brunei), Mr. Howe Soo Beng, Mr. Teo Kim Yau, Inche' Mar-sal bin Ma'un, Pehin Orang Kaya DiGadong, Pengiran Anak Omarali (Juru Iring kapada DYMM Sultan Brunei), Pengiran Kerma Indra, Pengiran Ahmad (Pegawai Daerah, Tutong), Pe-hin Dato' Temenggong, Pengiran Damit, Pengiran Mohd. Yusuf A.R., Mr. E. Rajaratnam dan Mr. Muthian.

Y ROMBONGAN PERTAMA GURU2 LATEHAN KIRKBY DARI MALAYA

TIBA DI BRUNEI

Rombongan yang pertama empat orang Guru2 Sekolah Inggeris dari Persekutuan Tanah Melayu yang telah mendapat latehan diMaktab Kirkby, England telah tiba diBrunei satelah lulus dalam kursus mereka pada hari Rabu 5 September, 1956 untuk berkhidmat sebagai Guru2 Bahasa Inggeris diNegeri Brunei.

Guru2 itu telah belajar selama dua tahun diMaktab tersebut atas perbelanjaan perchuma dari Kerajaan Brunei dan akan berkhidmat selama lima tahun diNegeri ini.

Inilah sebahagian daripada rancangan2 mengenai hal ehwatal pelajaran yang dijalankan oleh Kerajaan Brunei bagi menga-dakan Guru2 yang sudah berkelulusan mengajar diSekolah2 diBru-nei dan dengan hal ini dapatlah meninggikan so'al pelajaran di-Negeri ini. Rombongan yang kedua Guru2 Sekolah Inggeris dari Persekutuan Tanah Melayu yang dihantarkan oleh Kerajaan Brunei kaMaktab Latehan Guru2 diKirkby akan tiba diBrunei pada tahun hadapan.

Empat orang Guru2 tersebut ialah: Raja Ahmad bin Raja Harun, dari Perak; Inche' Zainal Arshad bin Zainal Abidin, dari Pulau Pinang; Inche' Mustafa bin Haji Tahir, dari Nege-ri Sembilan dan Inche' Hashim bin Thani, dari Johore.

Inche' Zainal Arshad bin Zainal Abidin pada masa ini se-dang mengajar diSultan Omar Ali Saifuddin College, Pekan Brunei; Inche' Mustafa bin Haji Tahir sedang mengajar Bahasa Ing-geris diSekolah Melayu Sultan Mohammed Jemal-ul-Alam, Pekan Brunei; Raja Ahmad bin Raja Harun dan Inche' Hashim bin Thani telah berangkat ka Seria dan Kuala Belait pada hari Sabtu 8 September. Raja Ahmad ditugaskan mengajar diGovernment Eng-lish School, Seria; menekala Inche' Hashim bin Thani meng-ajar Bahasa Inggeris diSekolah Melayu Mohamed Alam, Seria dan juga diSekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Akan diingatkan bahawa dua tahun yang lalu Kerajaan Brunei telah memilih 5 orang Guru2 Sekolah2 Inggeris dari Perse-kutuan Tanah Melayu untuk berlateh diMaktab Latehan Guru2 di-Kirkby, England dan satelah lulus dalam latehan mereka, Guru2 itu ditugaskan mengajar diSekolah2 diBrunei. Diantara 5 orang Guru2 itu, 4 orang sudah pun tiba dan mengajar diBrunei. Guru

yang kelima itu, Inche' Ismail bin Salleh pada masa ini sedang melanjutkan latehannya diMaktab Kirkby selama satahun lagi dan dalam masa itu ia akan mempelajari pelajaran khas dalam bahagian membuat barang2 dengan logam dan kayu. Ia dijangka akan tiba diBrunei bersama2 dengan rombongan yang kedua Guru2 Latehan Kirkby pada tahun 1957.

X DUA ORANG LAGI PENUNTUT2 DARI BRUNEI

BERANGKAT KA U.K.

Dua orang lagi penuntut2 dari Brunei telah berangkat ka United Kingdom pada 7 September, 1956 kerana melanjutkan pelajaran mereka diSekolah Inggeris disana atas perbelanjaan perchuma dari Kerajaan Brunei. Mereka akan masok belajar diMilfield Junior School, Somerset, England.

Penuntut2 tersebut ialah Abdul Rahim bin Latiff dari Sultan Omar Ali Saifuddin College, Pekan Brunei dan Nawah bin Haniffah dari Government English School, Seria.

Dengan pemergian mereka ka England, berma'nalah bahawa pada masa ini seramai 10 orang penuntut2 dari Brunei sedang melanjut pelajaran diluar negeri atas Perbelanjaan Perchuma dari Kerajaan Brunei dan juga atas Perbelanjaan Perchuma Colombo Plan. Enam orang sedang belajar diSekolah2 diEngland dan empat orang lagi diSekolah2 diAustralia.

Delapan orang lagi Penuntut2 dari Brunei yang sedang belajar diluar negeri ialah: Inche' Isa bin Haji Ibrahim, diChartway Sevenoaks School, Kent, England; Inche' Talib Darwish, sedang belajar Ilmu Jurutera diBrighton Technical College, England; Awangku Ismail bin Pengiran Mahmood dan Inche' Johar bin Noordin sedang belajar diMilfield Junior School, Somerset, England. Penuntut2 yang sedang belajar diAustralia ialah: Inche' Abdul Hamid bin Ja'afar sedang belajar Ilmu Pertanian diGatton Technical College, Queensland, Australia; Awangku Idris bin Pengiran Kerma Indra sedang belajar diTechnical School, Leederville, Australia; Mr. Michael Chong dan Mr. Anthony Chin sedang belajar Ilmu Jurutera diMaktab2 Technical diAustralia.

Adalah difahamkan bahawa beberapa banyak lagi penuntut2 dari Brunei akan dihantarkan keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka pada masa kehadapan kelak.

PENDAFTARAN MURID2 YANG BAHARU DI SMJA

Ibu2 Bapa dan Warith2 kanak2 bolehlah mendaftarkan nama2 anak2 mereka, lelaki dan perempuan, mulai dari sekarang untuk masok belajar diSekolah2 Lelaki dan Perempuan, Sultan Mohammed Jemal-ul-Alam, Pekan Brunei pada tahun 1957.

Pendaftaran itu sedang dijalankan diSekolah S.M.J.A, bahagian Lelaki dan Perempuan. Selain dari itu, pendaftaran bolehlah dibuat menerusi Ketua2 Kampong dan Ketua2 Pejabat2 Kerajaan atas borang yang khas yang disediakan.

Menurut satu kenyataan dari Pejabat Pelajaran, Brunei

pendaftaran diSekolah2 ...

pendaftaran diSekolah2 tersebut akan ditamatkan pada 17 January, 1957 dan mereka yang mendaftarkan lewat dari tarikh itu tidaklah akan diterima lagi oleh pehak yang berkenaan. Ketua2 Kampong telah pun dipinta supaya menerangkan kapada orang ramai betapa mustahaknya pendaftaran kanak2 yang baharu itu dijalankan mulai dari sekarang.

Adalah diperingatkan bahawa kanak2 yang berumur 6 tahun sahaja akan diterima masuk belajar diSekolah2 tersebut pada tahun hadapan.

Sekolah2 Melayu S.M.J.A. Pekan Brunei akan dibuka pada 2 January, 1957. Ibu2 Bapa dan Warith2 Kanak2 adalah dikehendaki membawa anak2 mereka dan juga surat2 beranak kanak2 itu ka Sekolah2 itu pada hari tersebut. Pendaftaran kanak2 lelaki akan dijalankan oleh Penolong Guru Besar S.M.J.A. Bahagian Lelaki, menekala kanak2 perempuan oleh Guru Besar S.M.J.A. Bahagian Perempuan.

PEMBAYARAN YANG BAHARU MENGENAI SURAT2 YANG DIKIRIM

DARI BRUNEI DENGAN KAPAL UDARA

Pembayaran yang baharu bagi mengirimkan surat2 dengan kapal udara dari Brunei ka Malaya, Borneo Utara termasok Labuan, dan Sarawak akan berjalan kuat kuasa mulai dari 1 October, 1956.

Surat2 sahaja yang dihantar ka Malaya dan Singapura yang beratnya pada tiap2 satengah ounce akan dikenakan bayaran stamp 15 sen. Surat2 yang sampulnya tidak dilekat dan Post Card akan dikenakan bayaran stamp 10 sen.

Surat2 yang dihantar dengan kapal udara ka Borneo Utara termasok Labuan, beratnya pada tiap2 satu ounce ialah 12 sen. Surat2 yang sampulnya tidak dilekat ialah 6 sen pada tiap2 2 ounce. Post Card akan dikenakan bayaran 8 sen dan surat2 yang ringan ialah 8 sen juga.

Surat2 yang dihantar dengan kapal udara ka Sarawak ialah 12 sen pada tiap2 satu ounce dan 8 sen pada tiap2 satu ounce yang lebeh. Surat2 yang sampulnya tidak dilekat ialah 6 sen pada tiap2 2 ounce atau sabilangan daripadanya. Post Card ialah 8 sen dan surat2 yang ringan 8 sen juga.

Surat2 yang dikirim diantara tempat2 dalam Negeri ini dengan kapal udara ialah 10 sen pada tiap2 satu ounce dan 5 sen pada tiap2 satu ounce yang lebeh. Post Card ialah 6 sen. Surat2 khabar, bungkus2 yang mengandungi surat2 yang sudah dichap, bungkus2 perniagaan dan sebagainya akan dikenakan bayaran 3 sen pada tiap2 2 ounce atau sabilangannya selain daripada bayaran yang dikenakan bagi mengirimkan barang2 itu dengan jalan darat.

HARGA2 BUAH ENGKABANG DAN LADA

Pemangku Controller of Customs, Negeri Brunei telah menetapkan harga2 Buah Engkabang dan Lada bagi kegunaan mengutip chukai mulai dari 3 September, 1956 iaitu: Buah2 Engkabang - \$30.75 sapikul; Lada Hitam - \$80.83 sapikul dan Lada Puteh - \$111.00 sapikul.

UNDANG2 BAHRU MAJLIS UGAMA DAN 'ADAT ISTIADAT NEGERI BRUNEI

(Sambongan dari PELITA BRUNEI No. 14)

Hukuman tidaklah akan dijatohkan melainkan mengikut Hukom Shara' dan dengan menurut keterangan perempuan yang bernikah itu dan sekurangnya dua orang saksi yang bersumpah atau berikrar.

Apabila dijatohkan Hukuman membatalkan nikah, maka hendaklah Kathi daftarkan perkara itu sebagai cherai dan hendaklah dikeluarkan surat akuan cherai mengikut borang yang ditetapkan dalam Undang2 kapada Isteri itu.

Jika sekiranya Kathi berpuas hati bahawa pertengkaran2 sentiasa berlaku diantara kedua2 pehak tersebut, bolehlah Kathi melantekkan dua orang Hakim dengan mengikut Hukom Shara' dan tatkala membuat perlantekan itu, hendaklah Kathi jika boleh memilih Warith2 yang dekat sekali kapada pehak2 itu yang mengetahui hal ehwal pertengkaran kedua2 pehak.

Bolehlah Kathi menetapkan kapada Hakim2 itu perkara yang hendak dijalankan mengenai kewajipan mereka dan hendaklah mereka itu menjalankan kewajipan mengikut perentah Kathi dan Hukom Shara'.

Jika Hakim2 itu tidak bersetuju diantara satu dengan lain, atau jika Kathi itu tidak berpuas hati dengan pekerjaan yang dilakukan itu, maka bolehlah ia pechatkan mereka dan digantikan dengan lain2 Hakim ditempat mereka.

Tiap2 Hakim hendaklah, dengan saberapa daya upaya mendapat kuasa2 yang penoh daripada pehak2 itu, dan boleh, jika kuasanya itu luas, menjatohkan Hukom cherai dan dengan demikian hendaklah Hakim itu memberi tahu perkara tersebut kapada Kathi untuk pendaftaran.

Jika pada fikiran Hakim bahawa pehak2 itu patut bercherai, akan tetapi tidak dapat menjatohkan Hukom kerana sesuatu hal, maka hendaklah Kathi melantekkan Hakim yang lain dan hendaklah diberi kuasa kepada mereka supaya boleh mencheraikan dan hendaklah, jika Hakim membuat percherai itu, didaftarkan dan dikeluarkan surat2 akuan cherai mengikut sebagai mana yang telah ditetapkan.

Didalam bab ini "cherai yang boleh dibatalkan", berma'na cherai dengan satu atau dua Talak yang tidak terlepas daripada masa Edah, bolehlah dirojokkan dan "rojok" berma'na kembali balik didalam masa yang cherai itu maseh boleh dirojokkan.

Jika kemudian daripada masa cherai yang boleh dibatalkan rojok telah diperbuat dengan persetujuan dari kedua2 pehak, maka hendaklah pehak2 itu, didalam tempoh tujuh hari, memberi tahu mengenai hal ehwal rojok itu dan kenyataan2 yang berthabit denganannya kapada Pendaftar Nikah bagi Mukim dalam mana pehak2 itu tinggal.

Hendaklah Pendaftar membuat penyiasatan yang mustahak sa-sudah dijalankan pendaftaran itu dan jika ia berpuas hati bahawa rojok itu telah dibuat mengikut Hukom Shara', hendaklah dengan pembayaran yang ditetapkan, mendaftarkan perkara itu dengan menanda tangannya disurat percherai itu, dan jika percherai itu telah didaftarkan olehnya, hendaklah dipinta pehak2 itu menyerahkan kembali kapadanya keterangan2 cherai dan hendaklah dikeluarkan surat2 akuan rojok sebagai mana yang diterangkan dalam Undang2 Baharu Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Negeri Brunei.

(B E R S A M B O N G)

KEJAYAAN BRUNEI DALAM PERLUMBAAN DIAYER DI KUCHING

Negeri Brunei telah menang 9 hadiah2 yang Pertama dan lain2 hadiah serta menerima hadiah wang tunai sebanyak \$ 1,140 dalam Perlumbaan Diayer yang telah dilangsangkan di Kuching, Sarawak pada 8, 9 dan 10 September baharu2 ini.

Diantara orang2 yang telah dilantek menjadi Hakim2 Perlumbaan tersebut ialah empat orang dari Brunei, iaitu Pengiran Mohamad Yusuf A.R., Pengiran Maharaja Laila, Pengiran Anak Kemaludin dan Mr. Francis Newn.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei yang telah turut bersama menghadziri temasha itu telah kelihatan juga dudok bergaol bersama2 orang ramai dan ada kalanya Duli Yang Maha Mulia menggunakan " Speed boat " Baginda dengan diiringi oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan Pegawai Police yang dikhaskan.

W a j i b dipuji bahawa Outboard "Mercury" kepunyaam Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, dengan menggunakan 10 Horse Power, dapat memenangi beberapa banyak hadiah2 dan juga dapat mengalahkan dengan senangnya Outboard2 yang menggunakan sahingga 25 Horse Power. Selain daripada itu, tahniah2 juga perlu diberi kapada pemandu2 Outboard dari Brunei, antaranya ialah Pengiran Md. Daud dan Suhaili Haji Omar yang telah berusaha dengan sa-berapa boleh memberi kemenangan kapada Negeri ini dalam perlumbaan tersebut,

Hadiah2 kapada pehak2 yang berjaya telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Governor Sarawak, Sir Anthony Abell, yang juga menjadi Pesuroh Jaya Tinggi Negeri Brunei, di Jubilee Hall, Kuching pada malam hari Ithnin 10 September. Diantara ramai Pegawai2 Kerajaan dan para pembesar yang menghadziri upachara itu ia-lah British Resident, Brunei Yang Berhormat Mr. D.C. White; Chief Secretary Negeri Sarawak, Yang Berhormat Mr. J.H. Ellis; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; Yang Mulia Pengiran Mahraja Laila; Yang Berhormat Dato' Bandar Sarawak Abang Haji Mustafa; dan Timbalan Pegawai Penerangan Negeri Sarawak, Inche' Morshidi Osman.

Semasa berada diKuching, Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei telah bersemayam diIstana Baginda yang baharu, yang dinama-kan ISTANA RAGAM. Pada malam 8 September, Baginda telah dijem-put menghadziri upachara Makan Malam oleh Tuan Yang Terutama Sir Anthony Abell diIstana Tuan Yang Terutama itu diKuching.

WAKIL2 BRUNEI KA TEMASHA PERTUNJOKAN TANAM2AN DI MALAYA

Negeri Brunei akan mengambil bahagian dalam temasha Pertunjukan Tanam2an yang akan diadakan diPersekutuan Lomba Kuda, Kuala Lumpur mulai dari 29 September hingga 3 October, 1956.

Inilah kali yang kedua Negeri ini mengambil bahagian dalam Pertunjukan Tanam2an yang diadakan sechara besar2an itu samenjak tahun 1947. Brunei akan menghantarkan untuk masuk bertanding dalam temasha itu barang2 perbuatan perak, anyaman dan tenunan kain yang chukup mashor, sambil memperkenalkan keseniannya kepada para pelawat dari luar negeri yang akan melawat ka temasha itu.

Pegawai Pertanian Negeri, Inche' Hamidon bin Awang Damit akan berangkat ka Kuala Lumpur bersama dengan Pehin Bendahari Awang Abdul Rahman dengan kapal terbang dari Brunei pada 26 September. 3 orang lagi Wakil2 dari Brunei, iaitu Inche' Ahmad bin Bayan, Awang Mansor bin Awang Jaludin, dan Inche' Kamal bin Mohamed akan berang-kat ka Kuala Lumpur melalui Singapura dengan kapal "Kajang" dari La-buan pada 17 September dengan membawa barang2 pertunjukan dari Brunei.

9
WAKTU MENGIRIM SURAT UDARA PADA MASA CHUTI HARI KEPUTERAAN

DYMM SULTAN

Pejabat Post Bandar Brunei akan dibuka kapada ramai pada chuti Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, iaitu pada hari Ithnin 24 September, 1956 dari pukol 8.00 pagi hingga ka pukol 8.15 pagi dan dari pukol 2.00 petang ka pukol 4.00 petang.

Pejabat Post Kuala Belait pula akan dibuka kapada ramai dari pukol 3.00 petang ka pukol 4.00 petang hari tersebut.

Pejabat Post Seria akan dibuka kapada ramai pada hari itu mulai dari pukol 9.00 pagi ka pukol 11.30 pagi.

KAPAL2 KERAJAAN DIANTARA BRUNEI-LABUAN

Pegawai2 Kerajaan Brunei dari sekarang ini tidaklah boleh menggunakan dengan perchuma kapal2 Kerajaan yang berulang alek diantara Brunei dan Labuan sakiranya mereka tidak mendapat surat2 kebenaran dari Ketua2 Pejabat mereka yang menunjukan baha-wa mereka itu belayar ka Labuan atas Perkhidmatan Kerajaan.

Baharu2 ini beberapa banyak Pegawai2 Kerajaan Brunei telah didapati berulang alek diantara kedua pelabuhan tersebut hanya untuk bersuka ria sahaja, dan dengan hal itu, mereka telah menghalangkan beberapa banyak penumpang2 yang membayar tambang daripada menggunakan kapal2 itu.

Pegawai2 Kerajaan yang hendak berangkat ka Labuan atas Perkhidmatan Kerajaan, akan diberi keutamaan yang khas kepada mereka.

LAWATAN AHLI2 SUKAN DARI LABUAN KA BRUNEI

Sarombongan ahli2 sukan dari Labuan akan melawat Bandar Brunei pada hari Juma'at 21 September untuk mengambil bahagian dalam pertandingan2 sukan dengan pasokan2 tempatan pada masa sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei. Mereka akan berangkat ka Labuan pada hari Ithnin 24 September.

Brunei Sports Club, Bandar Brunei akan bertanggong jawab dalam urusan menyediakan ranchangan lawatan ahli2 sukan itu dan persekutuan itu akan menjadi tuan rumah kapada para pelawat tersebut.

Sementara itu adalah difahamkan bahawa pada petang 21 September, ahli2 sukan dari Labuan itu akan mengambil bahagian dalam perlawanan2 tennis dan bola sepak diPadang Bandar Brunei. Pada pukol 7.30 malam itu mereka akan mengambil bahagian dalam perlawanan badminton dikawasan Boon Pang.

Pada 22 September para pelawat itu akan bertemu dengan satu pasukan basketball tempatan dikawasan Chung Hwa Chinese School, Bandar Brunei.

PEMBINAAN RADIO STATION DIBRUNEI

Majlis Mashuarat Negeri Brunei dalam Persidangannya bahru2 ini telah mempersetujukan satu ranchangan untuk membina sebuah Radio Station diBrunei.

Radio Station itu akan dibina diBandar Brunei, tetapi pemancharnya menggunakan 20 kilowatt akan didirikan diTutong supaya dapat pancharannya didengari dengan terang sama ada di-Bandar Brunei, diSeria atau Kuala Belait.

Radio Station diBandar Brunei akan disambong dengan pemancharnya diTutong dengan perhubongan VHF sama seperti perhubongan Radio Telephone yang sedang digunakan pada masa ini.

Ranchangan juga sedang dibuat untuk mengadakan sebuah Radio Station yang kechil diKuala Belait supaya dapatlah juga dijalankan pancharan dari sana.

Pembinaan Radio Station dan tempat pemancharnya akan mengambil masa yang agak lama, tetapi adalah diharapkan bahawa sebuah Radio Station yang kechil dapat dibina diBandar Brunei pada awal tahun hadapan.

Sabilangan daripada alat2 yang akan digunakan bagi pembinaan Radio Station itu yang akan dipesan ialah sebuah pemanchar 2 kw. Pemanchar ini akan digunakan sakiranya pemanchar 20 kw itu rosak. Majlis Mashuarat Negeri telah mempersetujukan bahawa pemanchar 2 kw itu hendaklah dihantar ka Bandar Brunei dengan saberapa segera dan dipasangkannya dalam sebuah bangunan yang mempunyai alat pemanchar yang perlu digunakan supaya Radio Station itu dapat memancharkan siarannya pada awal tahun hadapan.

Adalah ditegaskan bahawa ranchangan ini adalah buat sementara sahaja sehingga Radio Station yang mempunyai alat yang lengkap dapat diadakan. Haruslah pendengaran diSeria dan diKuala Belait tidak begitu terang pada masa pemanchar 2 kw itu sedang digunakan, tetapi Kerajaan Brunei akan berikhtiar dengan saberapa boleh untuk memasang sebuah pemanchar 20 kw diTutong supaya pancharannya dapat didengari diseluruh Negeri ini.

Iklan mengenai anggota2 yang dikehendaki untuk mengusahakan Radio Station yang dichadangkan itu akan disiarkan dalam akhbar tempatan. Orang2 Melayu Brunei adalah dikehendaki, akan tetapi oleh kerana tidak ada sasaorang pun yang mempunyai pengalaman dalam hal ehwal pemancaran radio, maka orang2 yang akan dipilih itu akan dihantarkan ka Radio Sarawak untuk berlateh selama tiga bulan.

Radio Sarawak telah bersetuju hendak memberi pertolongan kapada orang2 yang akan dihantarkan kasana untuk berlateh supaya dengan jalan itu dapatlah Negeri ini mempunyai mutu siaran radio yang baik.

Pada permulaannya, ahli2 teknikal akan dipinjamkan kapada Kerajaan Brunei oleh Sharikat Markoni yang akan bertanggong jawab dalam hal ehwal perlengkapan Radio Station yang dichadangkan itu.

Adalah ditaksirkan bahawa segala perbelanjaan untuk menyediakan sebuah Radio Station, khutub2 khanah piringan hitam, dan lain2 alat akan memakan belanja sabanyak \$ 888,000 tetapi salain dari itu, beberapa banyak rumah2 untuk anggota2 Radio Station itu diTutong akan disediakan juga.